

# PENGARUH LINGKUNGAN SOSIAL TERHADAP PENGHAYATAN AKHLAK PELAJAR POLITEKNIK BANTING SELANGOR DAN KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT, MALAYSIA

**Nor Hayati Fatmi Talib**

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Banting Selangor, Malaysia

[norhayati.fatmi.poli@1govuc.gov.my](mailto:norhayati.fatmi.poli@1govuc.gov.my)

**Nur Azmah Mohamad Saleh**

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Banting Selangor, Malaysia

[cek\\_no@yahoo.com.my](mailto:cek_no@yahoo.com.my)

**Nursuriati Mohd Badli**

Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Kuala Langat, Malaysia

[nursuriati.mohdbadli@gmail.com](mailto:nursuriati.mohdbadli@gmail.com)

## Abstrak

*Lingkungan sosial siswa berpengaruh terhadap pembentukan tingkah laku dan kehidupan siswa. Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh tersebut. Lingkungan sosial dalam kajian ini meliputi ibu dan bapa, guru, teman, artis, lingkungan sekolah, masyarakat dan undang-undang. Kajian kuantitatif ini dilakukan terhadap 192 orang pelajar semester satu sebagai sampel yang berasal dari Kolej Komuniti Kuala Langat dan Politeknik Banting Selangor. Hasil kajian menunjukkan bahawa lingkungan sosial berpengaruh secara signifikan terhadap pembentukan tingkah laku siswa. Pengaruh lingkungan sosial yang tertinggi adalah ibu bapak ( $SM = 4.25$ ,  $SP = 0.57$ ), diikuti guru ( $SM = 3.97$ ,  $SP = 0.61$ ), masyarakat ( $SM = 3.81$ ,  $SP = 0.60$ ), lingkungan sekolah ( $SM = 3.76$ ,  $SP = 0.59$ ), undang-undang ( $SM = 3.74$ ,  $SP = 0.73$ ), rakan ( $SM = 3.63$ ,  $SP = 0.62$ ) dan artis ( $SM = 2.80$ ,  $SP = 0.93$ ). Terdapat perbedaan tingkat pengaruh lingkungan sosial antara dua institusi dan antara program studi di Kolej Komuniti Kuala Langat. Hasil kajian menyumbang input kepada penambahbaikan aktivitas pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan akhlak siswa di kedua institusi.*

**Kata Kunci:** *lingkungan sosial, penghayatan akhlak*

## PENDAHULUAN

Remaja merupakan tonggak kemajuan sesebuah negara, mereka memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara di masa hadapan. Dasar-dasar Pendidikan Negara telah diperkenalkan dengan hasrat melahirkan pelajar yang memiliki minda kelas pertama yang mampu menjana idea-idea baharu, berilmu pengetahuan, kemahiran berinovasi, berketerampilan, berintegriti, berperibadi unggul, berakhlak mulia dan bijak menangani cabaran atau pengaruh lingkungan.

Pembentukan akhlak seseorang boleh terdedah kepada pengaruh positif dan negatif daripada lingkungan samada secara langsung atau tidak langsung dalam mencorakkan kehidupannya. Antaranya termasuklah pengaruh daripada elemen-elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat. Selain itu, elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang

semasa menjalani proses kehidupan juga boleh mempengaruhi tingkah laku dan mencorakkan kehidupan seseorang.

Imam al-Ghazali juga menyatakan bahawa lingkungan sosial mampu mempengaruhi peribadi dan akhlak seseorang kerana manusia secara semula jadi bersifat meniru. Sekiranya seseorang bergaul dengan orang-orang soleh dalam tempoh tertentu, ia akan mudah meniru dan mengaplikasikan kebaikan-kebaikan daripada orang-orang soleh tersebut dan begitulah sebaliknya (Abul Qasem, 1975). Rasulullah SAW telah memberi gambaran tentang pengaruh lingkungan daripada seorang rakan melalui sabdanya;

"إِنَّمَا مُثْلِّ الْجَلِيلِ الصَّالِحُ وَجَلِيلُ السُّوءِ، كَحَامِلِ الْمُسْكِ، وَنَافِخُ الْكَبِيرِ، فَحَامِلِ الْمُسْكِ، إِنَّمَا أَنْ يَحْذِيَكَ، وَإِنَّمَا أَنْ تَبْتَعَ مِنْهُ، وَإِنَّمَا أَنْ تَجْدُدْ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً، وَنَافِخُ الْكَبِيرَ، إِنَّمَا أَنْ يَحْرُقْ ثِيَابَكَ، وَإِنَّمَا أَنْ تَجْدُدْ مِنْهُ رِيحًا مُنْتَنَّةً" (متفق عليه).

*Artinya: Perumpamaan teman yang baik dan teman yang buruk ibarat seorang penjual minyak wangi dan seorang pandai besi. Penjual minyak wangi mungkin akan memberi mu minyak wangi, atau engkau bisa membeli minyak wangi darinya, dan kalaupun tidak, engkau tetap mendapatkan bau harum darinya. Sedangkan pandai besi, bisa jadi (percikan apinya) mengenai pakaianmu, dan kalaupun tidak engkau tetap mendapatkan bau asapnya yang tak sedap.”*

Hadir di atas menerangkan bahawa faktor lingkungan mampu mempengaruhi seseorang ke arah kebaikan atau sebaliknya. Al-Na’imy (1994) menyatakan, manusia berbeza berdasarkan lingkungan di mana seseorang itu berada. Sesiapa yang mendapat dirinya berada dalam lingkungan dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dia lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya.

Beberapa sarjana menyatakan menyatakan bagaimana lingkungan mempengaruhi kehidupan seseorang. Harre dan Lamb (1983) menyatakan, remaja melakukan penyesuaian diri yang lebih kompleks dengan keluarga, teman sebaya dan guru melalui aktiviti seharian dan kehidupan sosial sesuai dengan perasaannya. Menurut Hoffman (1996) keluarga merupakan faktor lingkungan yang paling hampir dan paling penting dalam mempengaruhi personaliti individu. Ia bermula daripada seseorang itu kecil dan berterusan sehingga dewasa. Maka jelaslah keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi dan kehidupan remaja. Hubungan keluarga juga boleh mempengaruhi tindakan dan peribadi seseorang. Fatanah (1997) menyatakan hubungan kekeluargaan yang baik berkait rapat dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep kendiri, tingkah laku seks dan pencapaian akademik. Kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat pengaruh lingkungan sosial terhadap pembentukan akhlak pelajar semester satu di Politeknik Banting Selangor dan Kolej Komuniti Kuala Langat bagi sesi Jun dan Julai 2016.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Cabarannya alaf baru yang melanda dunia kini dengan kemajuan sains dan teknologi dalam era dunia tanpa sempadan, telah membawa banyak kebaikan dan manfaat kepada dunia pendidikan, ekonomi, sosial dan politik. Dalam masa yang

sama, keadaan ini menyumbang kepada beberapa isu dalam kehidupan manusia antaranya masalah akhlak remaja. Menurut Ab. Halim & Zarin (2009), salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah hasil daripada bahan dan rancangan media massa yang dipaparkan dalam negara. Hal ini turut diakui oleh Buerah, Maznah, Nurafzan & Md. Hamzaimi Azrol (2012). Masyarakat juga terdedah dengan pelbagai maklumat yang kurang tepat, palsu, menyeleweng yang boleh merosakkan minda sekaligus menyumbang kepada hilang jati diri dan keperibadian akhlak yang mulia (Ahmad Syukri, 2008; Fariza & Muhammad Faisal, 2010). Kadar penglibatan remaja dalam masalah sosial dan keruntuhan akhlak banyak berpunca daripada diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan juga lingkungan sekolah yang perlu ditangani segera. Semua pihak haruslah bekerjasama untuk mengatasi gejala sosial ini. Ibu bapa khusunya memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan masa depan anak-anak mereka supaya menjadi remaja dan belia yang menyumbang kepada kemajuan negara (Zainudin & Norazmah 2011).

### **TUJUAN PENELITIAN**

Kajian ini bertujuan:

1. Mengenalpasti tahap pengaruh lingkungan sosial dalam pembentukan peribadi pelajar.
2. Melihat perbezaan pengaruh lingkungan sosial pelajar berdasarkan jantina dan jabatan pengajian.

### **HIPOTESIS KAJIAN**

**Ho1:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengaruh lingkungan sosial antara pelajar Politeknik Banting Selangor dengan Kolej Komuniti Kuala Langat.

**Ho2:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengaruh lingkungan sosial antara pelajar berdasarkan program pengajian di Politeknik Banting Selangor dan Kolej Komuniti Kuala Langat.

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian bersama yang menjadi sebahagian aktiviti kolaborasi antara Politeknik Banting Selangor dan Kolej Komuniti Kuala Langat. Manfaat kajian ini akan memberikan input kepada pensyarah, politeknik dan JPP dan JPKK dalam merangka aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti pelajar.

## METODE

Rekabentuk kajian ini adalah kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) dengan menggunakan instrumen soal selidik Ab Halim et. al. (2011) bagi pemerolehan data dengan tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.841 seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Keterpercayaan Instrumen Penelitian**

| Aspek                      | Bil Item | Nilai Alpha |
|----------------------------|----------|-------------|
| Pengaruh Lingkungan Sosial | 28       | 0.841       |

Kajian ini melibatkan populasi iaitu kesemuanya 192 orang pelajar semester satu bagi sesi pengajian Jun 2016 bagi Politeknik Banting Selangor dan sesi Julai bagi Kolej Komuniti Kuala Langat. Kumpulan pelajar ini merupakan pelajar yang telah menamatkan pengajian peringkat SPM 2015. Data telah ditadbir sendiri oleh pengkaji dan dianalisis secara deskriptif menggunakan peratus, min dan sisihan piawai. Min yang diperoleh ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Norasmah (2001) dan Azhar (2006) seperti jadual 2 berikut:

**Jadual 2: Interpretasi Skor Min**

| Skor Min    | Interpretasi     |
|-------------|------------------|
| 1.00 – 2.00 | Rendah           |
| 2.01 – 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 – 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 – 5.00 | Tinggi           |

Sumber: Azhar (2006) dan Norasmah (2001)

Kajian ini juga dianalisis secara inferens perbandingan menggunakan *Independent Sampel T Test* dan *Kruskal-Wallis Test* bagi melihat perbezaan aspek yang dikaji berdasarkan institusi dan program pengajian.

## HASIL DAN PEMBAHASAN

### a. Latar Belakang Responden Kajian

**Jadual 3: Latar Belakang Responden Kajian**

| Perkara           | Latar Belakang             | N   | %    |
|-------------------|----------------------------|-----|------|
| Jantina           | Lelaki                     | 135 | 70.3 |
|                   | Perempuan                  | 57  | 29.7 |
| Institusi         | Kolej komuniti             | 91  | 47.7 |
|                   | Politeknik                 | 101 | 52.6 |
| Program Pengajian | Sijil Pengoperasi          | 10  | 5.2  |
|                   | Peniagaan Sijil Animasi 2D | 23  | 12.0 |

|                                |    |      |
|--------------------------------|----|------|
| Sijil Teknologi Maklumat       | 26 | 13.5 |
| Sijil Pelancongan              | 16 | 8.3  |
| Pengembalaan                   |    |      |
| Sijil Pemasangan Elektrik      | 15 | 8.3  |
| Diploma Aircraft Maintenance   | 21 | 10.9 |
| Diploma Kejuruteraan Mekanikal | 52 | 27.1 |
| Diploma Teknologi Pembuatan    | 28 | 14.6 |

Sumber: Data Lapangan

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan 192 orang responden yang terlibat dengan kajian ini yang mana seramai 135 orang (70.3%) adalah pelajar lelaki dan 57 orang (29.7%) adalah pelajar perempuan. Kajian ini melibatkan 91 orang (47.7%) pelajar dari Kolej Komuniti Kuala Langat dan 101 orang (52.6%) pelajar dari Politeknik Banting Selangor. Jadual 3 juga memaparkan taburan pelajar berdasarkan program pengajian yang diikuti.

### b. Pengaruh Lingkungan Sosial

Hasil kajian aspek pengaruh lingkungan sosial terhadap pembentukan akhlak pelajar pula dipaparkan secara terperinci berdasarkan jadual 4-10 di bawah:

#### 1. Pengaruh Ibu bapa

**Jadual 4: Taburan skor Pengaruh ibu bapa**

| Item   | Min  | SP   | Thp |
|--|------|------|-----|
| Tingkah laku ibu bapa menjadi ikutan saya  | 4.04 | 0.91 | T   |
| Maklum balas yang diberikan kedua ibu bapa saya terhadap tingkah laku saya mempengaruhi pembentukan akhlak saya. | 4.17 | 0.74 | T   |
| Ibu bapa menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan tingkah laku berakhlak.                       | 4.48 | 0.62 | T   |
| Nasihat ibu bapa saya menjadi panduan daripada melakukan yang tidak berakhlak.                                   | 4.30 | 0.92 | T   |
| <b>KESELURUHAN</b>   | 4.25 | 0.57 | T   |

Sumber: Data Lapangan  
R: Rendah  
ST: Sederhana Tinggi  
T: Tinggi

Merujuk kepada jadual di atas, tahap pengaruh ibu bapa dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap tinggi (Skor Min 4.25, SP=0.57) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 4.04 (SP=0.91) bagi item `tingkah laku ibu bapa menjadi ikutan saya' iaitu pada tahap tinggi sehingga Skor Min 4.48 (SP=0.62) bagi

item `ibu bapa menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan tingkah laku yang berakhlak' pada tahap tinggi. Kesemua item yang dikaji berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan ibubapa mempunyai pengaruh yang tinggi dalam membentuk akhlak pelajar. Dapatkan ini juga memperlihatkan intitusi keluarga masih signifikan dan utuh dalam membentuk dan memberi pengaruh dalam pembentukan akhlak pelajar.

## 2. Pengaruh Guru

**Jadual 5: Taburan skor Pengaruh Guru**

| Item   | Min  | SP   | Thp |
|--|------|------|-----|
| Tingkah laku pensyarah saya menjadi ikutan saya.   | 3.63 | 0.94 | ST  |
| Maklum balas yang diberikan oleh pensyarah terhadap tingkah laku saya mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya. | 3.85 | 0.74 | ST  |
| Pensyarah menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak.            | 3.96 | 0.71 | ST  |
| Nasihat pensyarah menjadi panduan daripada melakukan perkara yang tidak berakhlak.                               | 3.97 | 0.76 | ST  |
| <b>KESELURUHAN</b>   | 3.97 | 0.61 | ST  |

Sumber: Data Lapangan SP: Sisihan Piawai  
R: Rendah SR: Sederhana Rendah  
ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual 5 di atas, tahap pengaruh guru dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.97, SP=0.61) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 3.63 (SP=0.94) bagi item `tingkah laku pensyarah menjadi ikutan saya' sehingga Skor Min 3.97 (SP=0.71) bagi item `nasihat pensyarah menjadi panduan daripada melakukan perkara yang tidak berakhlak' pada tahap sederhana tinggi. Kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi, dapatkan ini menunjukkan bahawa pengaruh guru adalah sederhana tinggi dalam membentuk akhlak pelajar. Dapatkan ini sekaligus memperlihatkan bahawa institusi pendidikan dan guru tetap berupaya memberi pengaruh dalam pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar walaupun berada pada tahap sederhana tinggi. Populasi kajian adalah pelajar-pelajar yang datang dari seluruh Malaysia yang menyambung pengajian di dua institusi ini yang sebelumnya berasal dari pelbagai latar belakang ketika di Sekolah Menengah.

## 3. Pengaruh Rakan

**Jadual 6: Taburan skor Pengaruh Rakan**

| Item   | Min  | SP   | Thp |
|--|------|------|-----|
| Tingkah laku rakan-rakan menjadi ikutan saya.  | 3.48 | 0.89 | ST  |
| Maklum balas yang diberikan oleh rakan-rakan terhadap tingkah laku saya mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya. | 3.68 | 0.86 | ST  |
| Rakan-rakan menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak.            | 3.76 | 0.87 | ST  |
| Nasihat rakan-rakan menjadi panduan untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhlak.                   | 3.58 | 1.00 | ST  |
| <b>KESELURUHAN</b>   | 3.63 | 0.62 | ST  |

Sumber: Data Lapangan SP: Sisihan Piawai

R: Rendah SR: Sederhana Rendah

ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual 6 di atas, tahap pengaruh rakan dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.63, SP=0.62) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 3.48 (SP=0.89) bagi item `tingkah laku rakan-rakan menjadi ikutan saya' sehingga Skor Min 3.76 (SP=0.87) bagi item `rakan-rakan menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan tingkah laku yang berakhlak'. Kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi, dapatkan ini menunjukkan bahwa rakan mempunyai pengaruh yang sederhana tinggi dalam pembentukan akhlak pelajar. Dapatkan memperlihatkan pengaruh rakan sebaya menghampiri pengaruh guru dalam pembentukan akhlak pelajar berkemungkinan lebih banyak masa bersama rakan berbanding guru.

## 4. Pengaruh Artis

**Jadual 7: Sebaran skor Pengaruh Artis**

| Item  | Min  | SP   | Thp |
|---|------|------|-----|
| Tingkah laku para artis menjadi ikutan diri saya.   | 2.50 | 1.12 | SR  |
| Maklum balas yang diberikan para artis terhadap akhlak golongan remaja mempengaruhi akhlak diri saya. | 2.77 | 1.09 | SR  |
| Golongan artis menjadi pendorong kepada saya mengamalkan akhlak yang baik.                            | 2.89 | 1.13 | SR  |
| Nasihat yang diberikan oleh para artis kepada golongan  | 3.07 | 1.12 | ST  |

|  |               |                      |    |
|--|---------------|----------------------|----|
| remaja menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perbuatan yang tidak berakhhlak. |               |                      |    |
| <b>KESELURUHAN</b>   | 2.80          | 0.93                 | SR |
| Sumber:  | Data Lapangan | SP: Sisihan Piawai   |    |
| R: Rendah  |               | SR: Sederhana Rendah |    |
| ST: Sederhana Tinggi   |               | T: Tinggi            |    |

Merujuk kepada jadual 7 di atas, tahap pengaruh artis dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap sederhana rendah (Skor Min 2.80, SP=0.93) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 2.50 (SP=1.12) bagi item `tingkah laku para artis menjadi ikutan saya' iaitu pada tahap sederhana rendah sehingga Skor Min 3.07 (SP=1.12) bagi item `nasihat yang diberikan oleh para artis kepada golongan remaja menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perbuatan yang tidak berakhhlak' pada tahap sederhana tinggi. Kesemua item berada pada tahap sederhana rendah kecuali satu item berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatkan ini menunjukkan bahawa artis hanya mempengaruhi pembentukan akhlak pelajar pada tahap yang sederhana rendah. Walaupun remaja kini dilihat berminat dengan artis, mengenali dan mengikuti perkembangan artis, artis kurang memberi pengaruh kepada pembentukan akhlak pelajar.

## 5. Pengaruh Lingkungan Sekolah

**Jadual 8: Taburan skor Pengaruh Lingkungan Sekolah**

| Item   | Min  | SP   | Thp |
|--|------|------|-----|
| Lingkungan saya menjadi panduan akhlak diri saya.  | 3.78 | 0.79 | ST  |
| Tindakan yang diambil terhadap salah laku pelajar melalui peraturan mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya. | 3.76 | 0.74 | ST  |
| Lingkungan saya menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhhlak.   | 3.83 | 0.76 | ST  |
| Lingkungan saya menjadi banteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhhlak.                  | 3.68 | 0.80 | ST  |
| <b>KESELURUHAN</b>   | 3.76 | 0.59 | ST  |

Sumber: Data Lapangan SP: Sisihan Piawai  
R: Rendah SR: Sederhana Rendah  
ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual 8 di atas, tahap pengaruh lingkungan sekolah dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.76, SP=0.59) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 3.68 (SP=0.79) bagi item `lingkungan saya menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhhlak' sehingga Skor Min 3.83 (SP=0.76) bagi item `lingkungan saya menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan tingkah laku yang berakhhlak' pada tahap sederhana tinggi. Kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi, dapatkan memperlihatkan lingkungan sekolah mempunyai pengaruh yang sederhana tinggi dalam pembentukan akhlak pelajar. Lingkungan sekolah perlu dirancang dengan baik kerana ianya memberi pengaruh dalam pembentukan akhlak pelajar. Ini selari dengan pelaksanaan iklim dini di sekolah-sekolah, sudut-sudut motivasi dan sebagainya.

## 6. Pengaruh Masyarakat

**Jadual 9: Taburan skor Pengaruh Masyarakat**

| Item  | Min  | SP   | Thp |
|---|------|------|-----|
| Cara hidup dalam masyarakat menjadi panduan akhlak diri saya.   | 3.73 | 0.77 | ST  |
| Tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan remaja melalui peraturan dalam masyarakat mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya. | 3.68 | 0.78 | ST  |
| Cara hidup masyarakat yang positif menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya melakukan perkara yang berakhhlak.                     | 3.95 | 0.73 | ST  |
| Budaya hidup yang positif dalam masyarakat menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhhlak.                | 3.89 | 0.82 | ST  |
| <b>KESELURUHAN</b>  | 3.81 | 0.60 | ST  |

Sumber: Data Lapangan SP: Sisihan Piawai  
R: Rendah SR: Sederhana Rendah  
ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual di atas, tahap pengaruh masyarakat dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.81, SP=0.60). Skor Min adalah antara 3.68 (SP=0.78) bagi item `tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan remaja melalui peraturan

dalam masyarakat mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya' iaitu pada tahap sederhana tinggi sehingga Skor Min 3.98 (SP=0.73) bagi item `cara hidup masyarakat menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan tingkah laku yang berakhlak' pada tahap sederhana tinggi. Kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi. Hasil kajian mendapati pelajar yang datang dari pelbagai latar belakang masyarakat mengatakan bahawa masyarakat memberi pengaruh dalam pembentukan akhlak pelajar pada tahap yang sederhana tinggi melebihi rakan sebaya. Pentingnya bagi masyarakat kekal dan meningkatkan lagi keupayaan memberikan pengaruh yang positif dan terhadap pembentukan akhlak remaja.

## 7. Pengaruh Undang-undang

**Jadual 10: Taburan skor Pengaruh Undang-undang**

| Item  | Min  | SP   | Thp |
|---|------|------|-----|
| Undang-undang negara menjadi panduan akhlak diri saya.  | 3.76 | 0.84 | ST  |
| Tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan remaja melalui undang-undang dalam negara mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya. | 3.67 | 0.83 | ST  |
| Undang-undang mendorong saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak.  | 3.79 | 0.85 | ST  |
| Undang-undang negara menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhlak.                                       | 3.74 | 0.92 | ST  |
| <b>KESELURUHAN</b>  | 3.74 | 0.73 | ST  |

Sumber: Data Lapangan SP: Sisihan Piawai  
R: Rendah SR: Sederhana Rendah  
ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual di atas, tahap pengaruh undang-undang dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.74, SP=0.73) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 3.67 (SP=0.83) bagi item `tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan remaja melalui undang-undang dalam negara mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya' sehingga Skor Min 3.79 (SP=0.85) bagi item `undang-undang menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan tingkah laku yang berakhlak'. Kesemua item berada pada tahap sederhana

tinggi, dapatkan memperlihatkan bahawa undang-undang mempunyai pengaruh yang sederhana tinggi dalam pembentukan akhlak pelajar. Pelajar yang merupakan remaja melihat undang-undang sebagai satu mekanisme untuk berakhlak berkemungkinan atas faktor hormat kepada undang-undang atau menjadikan sebagai batasan dalam bertingkah laku agar tidak dikenakan tindakan undang-undang.

**Jadual 11: Pengaruh Lingkungan Sosial**

| Pengaruh Lingkungan Sosial | Min  | SP   | TAHAP |
|----------------------------|------|------|-------|
| Ibubapa                    | 4.25 | 0.57 | T     |
| Guru                       | 3.97 | 0.61 | ST    |
| Masyarakat                 | 3.81 | 0.60 | ST    |
| Lingkungan sekolah         | 3.76 | 0.59 | ST    |
| Undang-undang              | 3.74 | 0.73 | ST    |
| Rakan                      | 3.63 | 0.62 | ST    |
| Artis                      | 2.80 | 0.93 | SR    |

Sumber: Data Lapangan SP: Sisihan Piawai  
R: Rendah SR: Sederhana Rendah  
ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Jadual di atas memerihalkan perbandingan skor Min bagi kesemua boleh ubah pengaruh lingkungan sosial yang dikaji. Dapatkan menunjukkan bahawa ibu bapa (Skor Min 4.25, SP=0.57) paling berpengaruh dalam pembentukan peribadi pelajar iaitu berada pada tahap tinggi. Ini kemudiannya diikuti dengan pengaruh guru (Skor Min 3.97, SP=0.61), masyarakat (Skor Min 3.81, SP=0.60), lingkungan sekolah (Skor Min 3.76, SP=0.59), undang-undang (Skor Min 3.74, SP=0.73) dan rakan (Skor Min 3.63, SP=0.62) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Artis (Skor Min 2.80, SP=0.93) dilihat kurang memberi pengaruh kepada pembentukan peribadi pelajar berada pada tahap sederhana rendah.

## 8. Perbezaan Pengaruh Lingkungan Sosial Pelajar Berdasarkan Institusi.

**Jadual 12: Perbezaan Pengaruh Lingkungan Sosial Pelajar Berdasarkan Institusi (N KK=91, N P=101)**

| Pengaruh Lingkungan Sosial | Institusi | Mean | SP   | t-Value | Sig. |
|----------------------------|-----------|------|------|---------|------|
| Ibubapa                    | K         | 4.19 | 0.67 | -1.35   | 0.18 |
|                            | P         | 4.30 | 0.46 |         |      |
| Guru                       | K         | 3.97 | 0.69 | 2.55    | 0.01 |
|                            | K         |      |      |         |      |

|                    |   |      |      |       |      |
|--------------------|---|------|------|-------|------|
|                    | P | 3.75 | 0.50 |       |      |
| Rakan              | K | 3.74 | 0.69 | 2.52  | 0.01 |
|                    | P | 3.51 | 0.53 |       |      |
| Artis              | K | 2.93 | 1.05 | 1.82  | 0.07 |
|                    | P | 2.69 | 0.79 |       |      |
| Lingkungan Sekolah | K | 3.64 | 0.68 | -2.85 | 0.00 |
|                    | K | 3.87 | 0.47 |       |      |
|                    | K | 3.71 | 0.71 |       |      |
| Masyarakat         | K | 3.90 | 0.47 | -2.28 | 0.02 |
|                    | K | 3.70 | 0.84 |       |      |
|                    | P | 3.77 | 0.62 |       |      |

Sumber: Data Lapangan

Aras Signifikan:  $\alpha < 0.05$ 

KK Kolej Komuniti

P Politeknik

Analisis secara *Independent Sampel T Test* telah dijalankan untuk melihat perbezaan pengaruh lingkungan sosial berdasarkan institusi. Hasil analisis mendapat, tiga daripada aspek yang dikaji menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kolej komuniti dan politeknik dari segi pengaruh lingkungan sosial dalam pembentukan peribadi pelajar iaitu dalam aspek ibu bapa, artis dan undang-undang. 4 aspek lagi, menunjukkan perbezaan yang signifikan antara Kolej Komuniti dan Politeknik dalam mempengaruhi akhlak pelajar iaitu aspek guru ( $t=2.547$ ,  $p=0.01 < 0.05$ ), rakan ( $t=2.524$ ,  $p=0.01 < 0.05$ ), lingkungan sekolah ( $t=-2.845$ ,  $p=0.00 < 0.05$ ), masyarakat ( $t=-2.284$ ,  $p=0.02 < 0.05$ ).

Analisis juga mendapat bahawa dari aspek guru, kolej komuniti mempunyai skor min yang lebih tinggi iaitu skor min 3.97 SP=0.69 berbanding politeknik pada skor min 3.75 SP=0.50. Aspek rakan memperlihatkan kolej komuniti mempunyai skor min yang lebih tinggi iaitu 3.74 SP=0.69 berbanding politeknik pada skor min 3.51 SP=0.53. Bagi aspek lingkungan sekolah, politeknik mempunyai skor min yang lebih tinggi iaitu 3.87 SP=0.47 berbanding kolej komuniti pada skor min 3.64 SP=0.68. Aspek masyarakat pula, politeknik mempunyai skor min yang lebih tinggi iaitu 3.90 SP=0.47 berbanding kolej komuniti pada skor min 3.71 SP=0.71. Dapatkan ini menolak hipotesis yang mengatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengaruh lingkungan sosial antara pelajar

Politeknik Banting Selangor dengan Kolej Komuniti Kuala Langat.

Analisis seterusnya dilaksanakan secara bukan parametrik (*non-parametric*) kerana saiz responden bagi setiap kelompok (Program Pengajian) adalah kecil dan tidak memenuhi syarat untuk menganalisis secara parametric (*parametric*: *One Way ANOVAs*). Analisis dilaksanakan secara *Kruskal-Wallis Test* bagi melihat berbezaan antara Program Pengajian dan analisis dilaksanakan secara berasingan kerana berbeza Program Pengajian antara kedua institusi. Analisis dilaksanakan terhadap Kolej Komuniti Kuala Langat diikuti Politeknik Banting Selangor. Jadual 13 berikut memperincikan Perbezaan Pengaruh Lingkungan Sosial Pelajar Berdasarkan Jabatan Pengajian di Kolej Komuniti Kuala Langat.

**Jadual 13: Perbezaan Pengaruh Lingkungan Sosial Pelajar Berdasarkan Jabatan Pengajian di Kolej Komuniti Kuala Langat**

| Pengaruh Lingkungan Sosial | Program | N  | Mean Rank | Chi-Square $\chi^2$ | df | A Symp. Sig |
|----------------------------|---------|----|-----------|---------------------|----|-------------|
| Ibu bapa                   | SPP     | 10 | 53.40     | 15.424              | 4  | 0.004       |
|                            | SA2D    | 23 | 33.61     |                     |    |             |
|                            | STM     | 26 | 39.46     |                     |    |             |
|                            | SPP2    | 16 | 62.41     |                     |    |             |
|                            | SPE     | 16 | 53.41     |                     |    |             |
| Guru                       | SPP     | 10 | 49.00     | 22.913              | 4  | 0.000       |
|                            | SA2D    | 23 | 29.24     |                     |    |             |
|                            | STM     | 26 | 40.25     |                     |    |             |
|                            | SPP2    | 16 | 62.84     |                     |    |             |
|                            | SPE     | 16 | 60.72     |                     |    |             |
| Rakan                      | SPP     | 10 | 46.60     | 8.846               | 4  | 0.065       |
|                            | SA2D    | 23 | 33.09     |                     |    |             |
|                            | STM     | 26 | 50.81     |                     |    |             |
|                            | SPP2    | 16 | 56.03     |                     |    |             |
|                            | SPE     | 16 | 46.34     |                     |    |             |
| Artis                      | SPP     | 10 | 44.10     | 4.159               | 4  | 0.385       |
|                            | SA2D    | 23 | 37.80     |                     |    |             |
|                            | STM     | 26 | 51.27     |                     |    |             |
|                            | SPP2    | 16 | 44.59     |                     |    |             |
|                            | SPE     | 16 | 51.81     |                     |    |             |
| Per-sekitaran Sekolah      | SPP     | 10 | 52.20     | 7.924               | 4  | 0.094       |
|                            | SA2D    | 23 | 34.04     |                     |    |             |
|                            | STM     | 26 | 54.10     |                     |    |             |
|                            | SPP2    | 16 | 45.34     |                     |    |             |
|                            | SPE     | 16 | 46.81     |                     |    |             |
| Masyarakat                 | SPP     | 10 | 58.95     | 10.029              | 4  | 0.040       |
|                            | SA2D    | 23 | 33.74     |                     |    |             |
|                            | STM     | 26 | 51.63     |                     |    |             |
|                            | SPP2    | 16 | 51.19     |                     |    |             |
|                            | SPE     | 16 | 41.19     |                     |    |             |

|               |      |    |       |       |   |       |
|---------------|------|----|-------|-------|---|-------|
| Undang-undang | SPP  | 10 | 43.10 |       |   |       |
|               | SA2D | 23 | 38.67 |       |   |       |
|               | STM  | 26 | 47.85 | 3.840 | 4 | 0.428 |
|               | SPP2 | 16 | 54.50 |       |   |       |
|               | SPE  | 16 | 46.84 |       |   |       |

Sumber: Data Lapangan

Aras Signifikan:  $\alpha < 0.05$

SPP Sijil Pengoperasi Peniagaan

SA2D Sijil Animasi 2D

STM Sijil Teknologi Maklumat

SPP2 Sijil Pelancongan Pengembaraan

SPE Sijil Pemasangan Elektrik

Analisis secara *Kruskal-Wallis Test* telah dijalankan bagi melihat perbezaan pengaruh lingkungan sosial berdasarkan program pengajian. Dapatkan yang diperoleh dibincangkan dengan aras signifikan  $\alpha < 0.05$  dipaparkan dalam Jadual 13. Analisis secara *Kruskal-Wallis Test* di Kolej Komuniti Kuala Langat dibuat merentasi 5 kumpulan (kumpulan 1 Sijil Pengoperasi Peniagaan, n=10; kumpulan 2 Sijil Animasi 2D, n=23; kumpulan 3 Sijil Teknologi Maklumat, n=26; kumpulan 4 Sijil Pelancongan Pengembaraan, n=16; dan kumpulan 5 Sijil Pemasangan Elektrik, n=16). Hasil analisis mendapati bahawa terdapat tiga aspek pengaruh lingkungan sosial yang berbeza secara signifikan antara program pengajian di Kolej Komuniti. Aspek pertama ibubapa  $\chi^2$  (4, n=91)=15.424, p=0.004; kedua Guru  $\chi^2$  (4, n=91)= 22.913, p=0.000; dan masyarakat  $\chi^2$  (4, n=91)= 10.029, p=0.040 merupakan aspek yang mempengaruhi pembentukan peribadi pelajar pada aras signifikan  $\alpha < 0.05$ .

**Jadual 14: Perbezaan Pengaruh Lingkungan Sosial Pelajar Berdasarkan Program Pengajian di Politeknik Banting**

| Pengaruh Lingkungan Sosial | Program | N  | Mean Rank | Chi-Square $\chi^2$ | df | A Symp. Sig |
|----------------------------|---------|----|-----------|---------------------|----|-------------|
| Ibu bapa                   | DAM     | 21 | 51.40     |                     |    |             |
|                            | DKM     | 52 | 51.38     | 0.047               | 2  | 0.977       |
|                            | DTP     | 28 | 50.00     |                     |    |             |
| Guru                       | DAM     | 21 | 53.50     |                     |    |             |
|                            | DKM     | 52 | 50.83     | 0.240               | 2  | 0.887       |
|                            | DTP     | 28 | 49.45     |                     |    |             |
| Rakan                      | DAM     | 21 | 53.83     |                     |    |             |
|                            | DKM     | 52 | 50.01     | 0.265               | 2  | 0.876       |
|                            | DTP     | 28 | 50.71     |                     |    |             |
| Artis                      | DAM     | 21 | 43.57     |                     |    |             |
|                            | DKM     | 52 | 52.30     | 1.802               | 2  | 0.406       |
|                            | DTP     | 28 | 54.16     |                     |    |             |

|               |     |    |       |       |   |       |
|---------------|-----|----|-------|-------|---|-------|
| Per-sekitaran | DAM | 21 | 55.07 |       |   |       |
|               | DKM | 52 | 52.27 | 1.528 | 2 | 0.466 |
| Sekolah       | DTP | 28 | 45.59 |       |   |       |
|               | DAM | 21 | 59.55 |       |   |       |
| Masyarakat    | DKM | 52 | 52.07 | 4.297 | 2 | 0.117 |
|               | DTP | 28 | 42.61 |       |   |       |
| Undang-undang | DAM | 21 | 58.26 |       |   |       |
|               | DKM | 52 | 48.75 | 1.705 | 2 | 0.426 |
|               | DTP | 28 | 49.73 |       |   |       |

Sumber: Data Lapangan

Aras Signifikan:  $\alpha < 0.05$

DAM Diploma Penyenggaraan Pesawat

DKM Diploma Kejuruteraan Mekanikal

DTP Diploma Kejuruteraan Tek. Pembuatan

Analisis secara *Kruskal-Wallis Test* telah dijalankan bagi melihat perbezaan pengaruh lingkungan sosial berdasarkan program pengajian. Dapatkan yang diperoleh dibincangkan dengan aras signifikan  $\alpha < 0.05$  dipaparkan dalam Jadual 14. Analisis secara *Kruskal-Wallis Test* di Politeknik Banting Selangor dibuat merentasi 3 kumpulan (kumpulan 1 Diploma Penyenggaraan Pesawat, n=21; kumpulan 2 Diploma Kejuruteraan Mekanikal, n=52; dan kumpulan 3 Diploma Kejuruteraan Teknologi Pembuatan, n=28). Hasil analisis mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara program pengajian di Politeknik Banting dari segi pengaruh lingkungan sosial dalam pembentukan peribadi pelajar pada aras signifikan  $\alpha < 0.05$  dari semua aspek yang dikaji.

### Ucapan Terima Kasih

**Pn. Jauharatud Dini Binti Hashim:** Pelajar Latihan Industri Universiti Sains Islam Malaysia Sesi 1/2017 yang membantu proses memasukkan data kajian.

### PENUTUP

Akhlik merupakan satu elemen yang terpenting sebagai hamba dan khalifah Allah swt di muka bumi ini dan merupakan tujuan utama perutusan nabi Muhammad saw. Segala syariat melalui al-Quran dan as-Sunnah bermatlamatkan membina dan memartabatkan akhlak dalam kehidupan Muslim. Remaja yang merupakan gambaran masa depan negara dan dunia perlu dimantapkan dengan akhlak mulia sedari kecil dan memerlukan komitmen semua pihak. Hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa ibubapa sangat signifikan mempengaruhi pembentukan akhlak anak-anak. Kajian mendapati ibubapa mempunyai

pengaruh yang tertinggi dalam membentuk akhlak pelajar. Hanya satu aspek sahaja dalam kajian ini berada pada tahap tinggi iaitu ibubapa manakala 5 aspek berada pada tahap sederhana tinggi dan satu aspek berada pada tahap sederhana rendah.

Guru juga amat signifikan memperlihatkan mempunyai pengaruh yang kedua tertinggi dalam membentuk akhlak pelajar. Keadaan ini selari dengan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bermatlamatkan pembinaan akhlak. Guru perlu memantapkan peranannya dalam membangunkan akhlak pelajar kerana guru mampu memberi pengaruh yang baik selain daripada masyarakat, lingkungan sekolah, undang-undang dan rakan. Kajian ini mendapati artis tidak memberi pengaruh kepada pembentukan akhlak berkemungkinan artis tidak menjadi ikutan pelajar atau pelajar hanya menganggap artis sebagai elemen hiburan sahaja. Selain itu, remaja perlu dibekalkan pengetahuan agama yang kukuh kerana agama Islam itu sendiri yang bersifat sempurna dan universal (Abdullah Nasih Ulwan, 2000)

Kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan tahap pengaruh lingkungan sosial antara dua institusi yang menjadi lokasi kajian. Perbezaan juga dapat dilihat dalam perbandingan antara program pengajian di Kolej Komuniti Kuala Langat. Perbezaan disini lebih kepada perbezaan tahap tetapi aspek yang lebih mempengaruhi masih tidak berbeza antara dua institusi. Kajian ini hanya berfokus kepada semester satu sahaja. Kajian lanjut boleh dijalankan dalam kalangan pelajar yang lebih luas di pelbagai peringkat semester pengajian untuk memperkayakan daptatan kajian.

## DAFTAR PUSTAKA

- Ab Halim Tamuri. 2011. *Penghayatan Islam Melalui Amalan Pengajaran dan Pembelajaran*. Kertas kerja dibentangkan dalam Kongres Pendidikan Kebangsaan 2011 di Hotel Dynasty Kuala Lumpur anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia pada 4-7 Disember
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. 2005. *Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam*. Laporan Penyelidikan UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abul Qasem Muhammad. 1975. *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethic in Islam*. USA: The University of California
- Ahmad Syukri. 2008. *Pengaruh Media Massa dan Media Elektronik dalam Mensosialisasikan Masyarakat di Provinsi Riau*. Jurnal Penelitian, Vol VIII No 4 September 2008, hal, 38-45.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi Pembelajaran Dan Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Ph. D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buerah Tunggak, Maznah Ali, Nurafzan Muhamad & Md. Hamzaimi Azrol Md Baharuddin. 2012. *Delinkuensi Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu*. Seminar Antarabangsa Perguruan& Pendidikan Islam: Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Baru. 08-09 Mac 2012.
- Fatanah Mohamed. 1997. *Kajian Terhadap Masalah Peribadi Pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Tidak Berasrama Penuh di Pengkalan Chepa*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md Sham dan Muhammad Faisal Ashaari. 2010. *Media sebagai Tarikan Psikologi Dalam Dakwah*. Kertas Kerja Muzakarah Ulama' dan Cendiakawan Islam 2010. 31 Mei 2010. Perak: Pejabat SUK Negeri Perak.
- Harre, R. dan Lamb, R., 1983. *The Encyclopedic Dictionary of Psychology*. Great Britain: Basil Blackwell.
- Hoffman, L. 1996. Progress and Problems in the Study of Adolescence. *Developmental Psychology*, 32, 777-780.
- Krejcie, Robert. V., Morgan, dryle. W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. The NEA Research Bulletin, Vol. 38 p.99
- Na'imiy, al-, Abdullah al-Amin. 1994. *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*, Terj. Mohd Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka
- Abdullah Nasih Ulwan. 2003. *Generasi Muda & Cabaran Globalisasi*. Kuala Lumpur: YADIM.
- Norasmah Othman. 2001. *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Di Sekolah Menengah*. Tesis Ph. D. Universiti Putera Malaysia.

**Nor Hayati Fatmi Talib:** Pengaruh Lingkungan Sosial terhadap...

Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan.

2011. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka.* Journal of Education Psychology & Counseling, volume 1 Mac 2011, Pages 115-140